

HOSTAN CAPSULE

Mefenamic acid (250 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hostan Capsule
2. Bagaimana Hostan Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hostan Capsule
4. Cara menggunakan Hostan Capsule
5. Semasa menggunakan Hostan Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hostan Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hostan Capsule

Hostan Capsule digunakan untuk melegakan kesakitan ringan hingga sederhana, termasuk sakit kepala, sakit gigi, sakit selepas pembedahan atau bersalin, semasa haid, dan juga sakit dan keradangan di sendi dan tulang.

Bagaimana Hostan Capsule berfungsi

Ubat ini mengandungi mefenamic acid sebagai bahan aktif.

Mefenamic acid tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *Non-Steroidal Anti-Inflammatory Drugs* (NSAIDs), yang menghalang prostaglandin, bahan semulajadi yang terhasil apabila terdapat penyakit dan kecederaan, seterusnya mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Hostan Capsule

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Hostan Capsule:

- Jika anda alah kepada mefenamic acid, aspirin, NSAID lain atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut)
- jika anda mempunyai ulser usus atau keradangan usus

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai:

- masalah hati
- masalah buah pinggang
- masalah penghadaman
- berisiko mendapat ulser gastrousus (kerap minum alkohol dengan banyak, merokok atau mengambil ubat yang mungkin meningkatkan risiko pendarahan seperti steroid, warfarin atau aspirin) atau masalah pendarahan yang lain.
- asma atau pernah menghidap asma atau masalah berkaitan alergi.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- sebarang ubat untuk keradangan
- ubat cair darah
- aspirin atau ubat lain untuk melegakan kesakitan

Cara menggunakan Hostan Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

Dua biji pada permulaan, kemudian satu biji setiap 6 jam.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak yang perlu digunakan. Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan pegawai farmasi dengan teliti.

- Bila perlu digunakan

Ambil setiap 6 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil ubat ini dengan atau selepas makan, atau dengan antasid untuk mengurangkan ketidakselesaan perut.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Hostan Capsule seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ubat ini tidak boleh diambil melebihi 7 hari pada satu-satu masa.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, cirit-birit berdarah, mengantuk, pening, sakit kepala, otot menyentak, sawan, hilang kesedaran, ruam kulit, kiraan darah merah yang rendah.

Semasa menggunakan Hostan Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hostan Capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Hentikan pengambilan ubat jika berlaku cirit birit atau ruam kulit.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan Hostan Capsule kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ambil ubat ini dengan berhati-hati, terutamanya bagi individu yang cenderung mendapat alahan dan individu warga emas.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini membuat anda berasa mengantuk, pening, atau menjejaskan penglihatan anda, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan ambil ubat ini bersama alcohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Hostan Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Lawati doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan termasuk:

Gangguan dan pendarahan gastro-usus, ulser perut atau usus, sakit kepala, mengantuk, pening, gementar, gangguan penglihatan, kiraan sel darah putih atau merah rendah, tindak balas alahan, ruam kulit dan geligata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [*Consumers → Reporting Side effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hostan Capsule

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.
Pek blister - Simpan pada suhu di bawah 30 °C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul hijau dan kelabu dengan "HT 250" dicetak pada satu hujung dan "HD" pada hujung yang satu lagi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
 - Mefenamic acid
- Bahan Tidak Aktif
 - Magnesium stearate
 - Microcrystalline cellulose
 - Polyvinylpyrrolidone
 - Lactose Monohydrate
 - Talc
 - Sodium Starch Glycolate
 - Sodium Lauryl Sulfate
 - Polyvinylpyrrolidone

- Nombor MAL

MAL19872188AZ

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Pengilang

Hovid Bhd.,

Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh /
Chemor, 31200 Chemor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/09/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190824/00107